

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab 3 menerangkan metodologi penyelidikan kajian ini. Bahagian pertama, adalah maklumat mengenai responden kajian, iaitu pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI) dan pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM). Bahagian kedua, adalah mengenai borang soal selidik dan rumusan daripada soal selidik bagi tujuan penganalisaan data.

3.1 Responden Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar bahasa Jepun di Indonesia dan Malaysia daripada latar belakang bahasa ibunda yang sama, iaitu bahasa Melayu. Pelajar Indonesia adalah pelajar yang menuntut di Departemen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Indonesia. Manakala pelajar Malaysia adalah pelajar daripada Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ), Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya. Maklumat lanjut mengenai latar belakang pendidikan bahasa Jepun responden adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.1. Maklumat Latar Belakang Responden Kajian

Responden	Bilangan Pelajar	Tahap kemahiran mengikut JLPT	Jumlah jam pembelajaran (Tempoh pengajian)	Matlamat Kursus
Indonesia Departemen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara	80	N5~N3	800 ~ 900 jam selama 4 tahun	Melahirkan graduan yang cekap dan mahir dalam pertuturan dan penulisan bahasa Jepun, juga dalam budaya, sejarah dan masyarakat Jepun.
Malaysia Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ), Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya, Kuala Lumpur	83	N5~N3	900 ~ 1200 jam selama kurang lebih 2 tahun	Menyediakan pelajar untuk menduduki peperiksaan <i>Eaxamination for Entrance of Japanese University</i> (EJU) dan menyertai program ijazah di universiti di Jepun

Kedua kumpulan pelajar mempunyai tempoh masa pengajian dan tujuan yang berbeza. Walaubagaimanapun, pada ketika data dikutip pelajar dianggap berada pada tahap kecekapan bahasa Jepun yang hampir sama iaitu N3, N4 dan N5 mengikut penilaian *Japanese Language Proficiency Test (JLPT)*. Responden PBJI ialah pelajar tahun 2, 3 dan 4, dan responden PBJM ialah pelajar pada tahap pertengahan awal (tahun 1).

Pelajar Indonesia daripada Departemen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia dipilih berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai tenaga pengajar bahasa Jepun di USU, di mana pelajar sering keliru ketika mengaplikasikan kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*. Manakala pelajar daripada program Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ), Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya ditentukan menjadi subjek perbandingan kerana pelajar kursus ini adalah pelajar yang mempunyai latar belakang demografi yang sama.

Sebagaimana diketahui bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Melayu adalah berasal daripada rumpun yang sama, terdapat banyak persamaan di dalam bentuk perkataan, urutan perkataan di antara kedua bahasa ini. Walaubagaimanapun, ada juga beberapa perbezaan untuk menggambarkan perbendaharaan kata tertentu. Contoh, perkataan ‘memberangsangkan’ pada bahasa Melayu dan perkataan ‘menyemangati’ pada bahasa Indonesia. Kedua perkataan tersebut mempunyai makna yang sama iaitu membangkitkan semangat kepada orang lain untuk berani melakukan suatu perkara. Walaupun demikian, bagi skop kajian ini, perbezaan tersebut tidak keterlaluan hingga boleh mempengaruhi keputusan penyelidikan⁸.

⁸ Sila rujuk perbandingan dalam Bab 2.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan ujian bertulis yang dirangka dalam bentuk soalan dan terbahagi kepada dua. Bahagian pertama (Bahagian I), terdiri daripada dua puluh soalan dengan beberapa pilihan jawapannya disediakan. Responden perlu memilih satu jawapan yang tepat antara [*~tekara* atau *~tara*] dan [*~toki* atau *~tara*]. Struktur soalan objektif ini adalah berasaskan dapatan dalam kajian terdahulu oleh Ichikawa (1997, 2005)⁹.

Bahagian kedua (Bahagian II), direka dengan merujuk kepada *Cloze test B*, iaitu ujian melengkapkan ayat pada ruang kosong yang disediakan. Ujian berformat dipilih berdasarkan penemuan daripada Neustupny dan Miyazaki (2002)¹⁰. Dalam bahagian ini, responden perlu melengkapkan 8 soalan yang telah diadaptasi daripada buku teks bahasa Jepun yang telah digunakan pada peringkat *shokyuu* (permulaan) dan *chukyuu* (pertengahan). Arahan ujian ditulis dalam bahasa ibunda responden. Bahan ujian dibentangkan di dalam skrip bahasa Jepun dan responden perlu melengkapkan ayat-ayat yang telah disediakan dalam tempoh masa yang ditentukan dengan menggunakan *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

Satu kajian rintis telah dilakukan ke atas PBJI pada Oktober 2010 di Departmen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia. Keputusan kajian rintis tersebut telah disemak semula dan dikemas kini untuk ujian sebenar pada November 2011 ke atas PBJI. Manakala kajian rintis ke atas PBJM dilakukan pada Disember 2011 di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya untuk mengenal pasti masalah bagi analisis perbandingan, dan ujian sebenar telah dijalankan pada Ogos, 2012.

⁹ Ichikawa (1997, 2007), menyatakan bahawa pelajar bahasa Jepun mudah keliru kerana mereka mencampur adukkan penggunaan *~tekara* dengan *~tara* dan *~toki* dengan *~tara*. Oleh itu, soal selidik direka dimaksudkan untuk menyemak penguasaan pelajar dalam membezakan penggunaan *~tekara/~tara* dan *~toki/~tara* dengan tepat.

¹⁰ Neustupny dan Miyazaki (2002), menyatakan ujian penulisan adalah salah satu kaedah penyelidikan bagi mengenal pasti keupayaan intuisi tatabahasa pelajar.

3.3 Prosedur Kajian

Borang-borang soal selidik telah diedarkan kepada 80 orang PBJI di Departmen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara dan 83 orang PBJM di AAJ, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (Ogos, 2012).

Responden diberikan 20 minit bagi menyelesaikan 20 soal selidik Bahagian I, soalan objektif dan 25 minit bagi melengkapkan 8 ayat dalam Bahagian II. Kedua-dua jenis soalan diedarkan secara berasingan.

3.4 Kaedah Analisis Data

Dapatan kajian daripada ujian soal selidik yang disediakan, dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif yang diadaptasi daripada Brown, J. D dan Rodgers, T.S (2002). Kaedah kuantitatif ini penting untuk menganalisis kesilapan dari segi kuantiti dan menyediakan statistik deskriptif untuk analisis kualitatif penyelidikan (Brown, D dan Rodgers, S, 2002).


Setiap jawapan pada Bahagian I, iaitu soalan objektif dibahagi kepada kumpulan jawapan tepat dan jawapan silap. Oleh itu, kajian ini menggunakan sistem pemarkahan yang diusulkan oleh Swovelin (2012) bagi mengklasifikasikan setiap kategori jawapan pelajar. Manakala ayat yang dihasilkan oleh responden pada Bahagian II, dikelaskan menurut kategori daripada kajian Ichikawa (1997), iaitu: i) ayat tepat, ii) ayat silap, dan iii) ayat keliru. Bagi mencapai objektif kajian ini, ayat yang jelas kesilapan dari segi nahunya tidak akan diambil kira. Contohnya, kesilapan partikel, kesilapan dalam pemilihan perkataan, kesilapan pada perubahan bentuk kata kerja dan kata sifat dan kesilapan dalam penulisan *Hiragana* dan *Katakana*.

Dapatan daripada data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis dengan menggunakan skor min daripada perisian MS-Excel, mengikut jumlah responden.

Keputusan data kajian dijelaskan dalam bentuk peratus serta diikuti dengan graf pai. Peratus jawapan yang tepat dan peratus kesilapan pada Bahagian I, soalan objektif dan peratus bagi setiap kategori ayat pada Bahagian II, penyelesaian ayat dikira melalui pengiraan seperti berikut. Contoh pengiraan untuk soal selidik Bahagian I, soalan objektif nombor 11 (1) di kalangan PBJI adalah seperti berikut:

1. Jumlah jumlah keseluruhan jawapan **tepat** dibahagikan kepada jumlah keseluruhan responden, kemudian didarab dengan 100, $(36 / 80) \times 100 = 36\%$. Seterusnya, keseluruhan **kesilapan** dibahagikan kepada jumlah keseluruhan responden, kemudian didarab dengan 100, $(64 / 80) \times 100 = 64\%$. Oleh itu, peratus **kesilapan** pada nombor 11 ialah 61%, manakala peratus jawapan **tepat** ialah 39%.

Berikut adalah peratusan jawapan nombor 11 dalam bentuk gambar Rajah.



**Rajah 3.1. Peratus Jawapan Q.11,
(Bahagian I) oleh PBJI**